

PERLEMBAGAAN BAGI

PERSEKUTUAN PUSAT BERTAULIAH JPK MALAYSIA (FEDERATION OF JPK ACCREDITED CENTERS,MALAYSIA)

()

FASAL 1 NAMA

Persekutuan ini dikenali dengan nama Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia atau dalam Bahasa Inggeris di sebut Federation of JPK Accredited Centers, Malaysia- (FeMAC)

JPK adalah merujuk kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Selepas ini disebut Persekutuan atau FeMAC.

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

Alamat dan tempat urusan FeMAC ialah Unit 1-12, Tiara Mutiara Batu 6, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur atau ditempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Exco FeMAC Kebangsaan.

Alamat surat menyurat ialah di Unit 1-12, Tiara Mutiara Batu 6, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur.

Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menysurat FeMAC tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftaran Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

3.1 FeMAC adalah sebuah organisasi untuk menyatupadukan pengusaha, pemilik, pengelola atau pengendali program latihan kemahiran yang ditauliahan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia, Malaysia untuk kepentingan dan faedah semua pihak yang terlibat.

3.2 Menjadi satu-satunya badan yang sah dan mewakili Pusat-Pusat Bertauliah Swasta yang ditauliahan oleh JPK, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

3.3 Mewujudkan satu organisasi yang terdiri daripada pusat-pusat atau institusi latihan dan pendidikan kemahiran dalam pelbagai bidang di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa untuk kepentingan dan faedah rakyat Malaysia khususnya dan dunia keusahawanan amnya.

3.4 Memperjuangkan kepentingan dan hak-hak Ahli dalam undang-undang yang digubal atau dipinda yang berkaitan dengan perjalanan Pusat-pusat Bertauliah JPK.

- 3.5 Menyelaras atau membantu memperkemaskan kegiatan atau operasi Pusat-pusat Bertauliah JPK Ahli dalam bidang-bidang yang disokong oleh FeMAC.
- 3.6 Menyelesaikan selisih faham atau perselisihan yang timbul di kalangan Ahli dengan persetujuan bertulis daripada kedua-dua pihak yang berkenaan.
- 3.7 Meninggikan taraf serta kualiti Pusat-Pusat Bertauliah JPK Ahli dalam bidang-bidang yang disokong oleh FeMAC.
- 3.8 Membantu menyalurkan maklumat serta berita terkini berhubung dengan Latihan Kemahiran dengan menerbit, atau mencetak majalah, risalah, rencana, artikel dan seumpamanya yang berkaitan dengan kemahiran serta pencapaianannya dalam bidang sosioekonomi dan keusahawanan khususnya di Negara ini dengan kebenaran Pihak Berkuasa.
- 3.9 Membantu atau mewakili Ahli dalam perbincangan, perundingan, atau musyawarah mengenali masalah yang timbul berhubung dengan pengendalian latihan dan sebagainya dengan pihak yang bertanggunjawab khususnya dengan JPK, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), penaja-penaja kewangan terdiri daripada badan-badan berkanun, kerajaan-kerajaan negeri mahupun institusi swasta lain di semua peringkat khususnya dan dengan pihak Kementerian Sumber Manusia, Kementerian lain yang berkaitan dan kerajaan Malaysia.
- 3.10 Mewujudkan hubungan dan kerjasama dengan mana-mana institusi latihan kemahiran dalam dan luar Negara yang mempunyai tujuan yang sama dengan FeMAC.
- 3.11 Menjalankan penyelidikan dalam semua masalah khususnya penyelidikan bidang kemahiran, memaju atau mencadangkan kaedah-kaedah tindakan dan prosedur yang dianggap perlu atau berfaedah untuk kesemua atau salah satu daripada matlamat dan tujuan FeMAC.

FASAL 4 KEAHLIAN

- 4.1 Ahli Persekutuan adalah terdiri daripada Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat
- 4.2 Permohonan menjadi Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat, hendaklah dengan mengisi Borang Permohonan Keahlian yang ditetapkan oleh Exco FeMAC Kebangsaan.
- 4.3 Keputusan permohonan menjadi Ahli hendaklah dibuat oleh Exco FeMAC Kebangsaan dengan sokongan Jawatankuasa peringkat Negeri atau Zon berkenaan dalam Mesyuarat yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan tanpa menyatakan sebab-sebabnya.
- 4.4 Ahli Biasa ialah:-

4.4.1 Pusat-pusat Bertauliah (Kod L-Pusat Bertauliah Swasta dan Kod P-Pusat Bertauliah dibawah koperasi, persatuan dan yang berkaitan) yang ditauliahkan oleh JPK dikelolakan oleh Syarikat Perniagaan yang diperbadankan dibawah Akta Syarikat 1965 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

4.4.2 Institusi Penyedia Latihan yang ditauliahkan oleh JPK (Kod L), dikelola oleh Syarikat Perniagaan yang diperbadankan dibawah Akta Syarikat 1965 dan dimiliki seratus peratus (100%) oleh samada Kerajaan Malaysia ataupun Kerajaan Negeri dengan syarat bahawa Exco FeMAC Kebangsaan hendaklah diberi kuasa menentukan status syarikat ini dari masa ke semasa.

4.4.3 Pusat Bertauliah JPK (Kod L dan Kod P) yang dimiliki sepenuhnya oleh Koperasi yang didaftarkan dibawah Akta Persekutuan Koperasi 1948 dan dimiliki seratus peratus (100%) oleh Rakyat Malaysia.

4.4.4 Sekiranya Pusat Bertauliah yang telah menjadi ahli FeMAC mempunyai cawangan Pusat Bertauliah yang lain di mana-mana Negeri, cawangan Pusat Bertauliah tersebut hendaklah berdaftar sebagai ahli di bawah FeMAC mengikut Fasal 4.4.

4.5 Ahli Bersekutu :-

4.5.1 Mana-mana Jabatan atau Agensi Kerajaan,Badan atau Persekutuan yang memiliki Pusat Bertauliah untuk menjalankan kursus kemahiran dan berdaftar dengan JPK (selain Kod L dan Kod P) Kementerian Sumber Manusia selain dari Ahli Biasa atau yang menjalankan kursus kemahiran dan mendaftar dengan PSMB dibawah Kementerian Sumber Manusia atau lain-lain agensi kerajaan dan menjalankan program kemahiran.

4.6 Ahli Kehormat ialah :-

4.6.1 Mana-mana individu atau orang perseorangan yang difikirkan dan dianggap munasabah dan layak menjadi Ahli Kehormat oleh Exco FeMAC Kebangsaan.

4.6.2 Mana-mana badan keusahawanan atau industri atau badan-badan niaga yang menjalankan urusniaga di Malaysia dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

4.7 Tiap-tiap Ahli mempunyai tanggunjawab seperti berikut :-

4.7.1 Memegang teguh dan mentaati Perlembagaan FeMAC.

4.7.2 Menghadiri dan mengambil bahagian didalam kegiatan FeMAC diperingkat Zon dan Kebangsaan.

4.8 Tertakluk kepada peruntukan didalam perlembagaan ini, setiap Ahli Biasa berhak bersuara, memilih, dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan dalam FeMAC disemua peringkat. Hak memilihnya tidak boleh diwakili kepada sesiapa juapun melainkan bagi Ahli Biasa dibawah Fasal 4.4.2 dan 4.4.3

4.9 Seseorang wakil hanya berhak menjadi calon bagi satu jawatan dan mengundi bagi Pihak Ahli Biasa setelah menjelaskan yuran tahunannya samada semasa atau tertunggak pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun sebelum diadakan Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC.

4.10 Tanpa menghiraukan apa-apa peruntukan lain dalam Perlembagaan ini, seseorang Ahli tidak dibenarkan bertanding untuk memegang jawatan atau jika telah dipilih atau dilantik akan dengan serta merta tergugur jawatannya jika dia dilarang oleh mana-mana undang-undang Malaysia dari memegang jawatan ini di mana-mana peringkat di dalam FeMAC.

4.11 Ahli Bersekutu tidak berhak memilih atau dipilih atau memegang sebarang jawatan di dalam Exco FeMAC Kebangsaan tetapi boleh menghadiri Mesyuarat Agung FeMAC dan memberi fikiran, pendapat, syor atau cadangan.

4.12 Ahli kehormat tidak berhak memilih atau dipilih tetapi boleh menghadiri Mesyuarat Agung FeMAC dan memberi fikiran, pendapat, syor atau cadangan.

4.13 Ahli akan lucut keahliannya jika:-

4.13.1 Pentauliahan telah dibatalkan oleh JPK

4.13.2 Menjadi muflis (bankrap) yang belum dimansuhkan atau dilepaskan.

4.13.3 Dipecat oleh Exco Kebangsaan FeMAC

4.13.4 Tuggakan yuran tahunannya melebihi (2) tahun

4.13.5 Membezakan apa juu perkara berkaitan dengan keahliannya atau FeMAC atau perkara sepertinya ke Makhamah.

4.13.6 Bagi Ahli Biasa yang berdaftar dibawah Fasal 4.4.2 dan 4.4.3, sekiranya Ahli yang berkenaan telah dibubarkan, muflis (bankrap) dan/atau tidak lagi dimiliki seratus peratus (100%) oleh rakyat Malaysia.

4.14 Ahli yang lucut keahliannya akan hilang hak-hak sebagai Ahli FeMAC.

4.15 Keahlian seseorang Ahli akan dengan sendirinya tergantung sekiranya Ahli yang berkenaan gagal menjelaskan yuran tahunannya dalam tempoh yang ditetapkan dan penggantungan itu akan berkuatkuasa daripada tarikh akhir tempoh penjelasan sehingga tarikh penjelasan dibuat.

4.16 Ahli yang akan digantung dan atau terlucut keahliannya tidak berhak:-

4.16.1 Menjadi calon bagi perlantikan sesuatu

4.16.2 Bersuara atau mengemukakan pendapat di dalam mana-mana Mesyuarat Agung di mana-mana peringkat.

4.16.3 Memilih, mengundi dan atau dilantik untuk apa-apa jawatan di dalam mana-mana Mesyuarat Agung.

4.16.4 Menggunakan kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan yang diberi selaras dengan keahliannya.

FASAL 5 BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN

5.1 Tiap-tiap ahli FeMAC hendaklah membayar Yuran Masuk/Pendaftaran dan Yuran Tahunan.

5.2 Yuran Masuk/Pendaftaran ialah seperti berikut :

5.2.1 Ahli Biasa FeMAC RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus sahaja)

5.2.3 Ahli Bersekutu FeMAC RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus sahaja)

5.3 Yuran Tahunan Persekutuan ialah seperti berikut :

5.3.1 Ahli Biasa RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja)

5.3.2 Ahli Bersekutu RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja)

5.3.3 Semua ahli FeMAC perlu menjelaskan yuran tahunan sebelum 31 Mac setiap tahun berkenaan.

5.4 Ahli baru yang berdaftar dengan FeMAC selepas 31 Mac tahun berkenaan, pengiraan yuran tahunan adalah secara pro-rata. Namun ia perlu di bawa ke Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC untuk mendapat persetujuan dan kelulusan sebelum kadar yuran tersebut diluluskan.

5.5 Bagi permohonan untuk menjadi Ahli FeMAC semula, pemohon hendaklah membayar semua yuran yang tertunggak berserta yuran pendaftaran FeMAC. Ahli tidak dibenarkan memegang apa-apa jawatan di dalam FeMAC selama 1 penggal (tiga tahun)tetapi ahli dibenarkan mengundi atau mencalonkan mana-mana individu yang layak untuk memegang jawatan di dalam FeMAC.

5.6 Ahli Kehormat

5.6.1 Ahli Kehormat tidak dikenakan apa-apa Yuran Masuk/Pendaftaran atau Tahunan

5.6.2 Ahli Kehormat boleh membuat sumbangan kepada FeMAC untuk kebaikan dan menyertai aktiviti FeMAC.

5.7 Sumbangan

Pertubuhan ini dibenarkan untuk menerima sumbangan dalam bentuk wang dan barang. Sumbangan berbentuk wang hendaklah diisytiharkan dengan jelas dan

tepat dalam Penyata Tahunan pertubuhan.

5.8 Kegiatan Ekonomi

Pertubuhan ini boleh menjalankan kegiatan ekonomi seperti menjual, membeli, melabur, menyewa, memiliki harta alih dan tak alih serta lain-lain kegiatan ekonomi.

FASAL 6 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

6.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli FeMAC hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.

6.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang FeMAC atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik FeMAC boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Exco FeMAC Kebangsaan. Sebelum Exco FeMAC Kebangsaan memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

6.3 Ahli yang memohon berhenti atau keahliannya diberhentikan tidak berhak mendapat apa-apa kepentingan daripada FeMAC atau apa-apa harta FeMAC.

6.4 Mana-mana Ahli yang telah berhenti daripada menjadi Ahli atau mana-mana Ahli yang keahliannya telah diberhentikan, maka akan gugurlah hak-haknya sebagai Ahli bermula dari tarikh ianya berhenti.

FASAL 7 MESYUARAT

7.1 Mesyuarat Agung Tahunan

7.1.1 Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC adalah kuasa tertinggi yang menentukan wawasan, halatuju dan dasar FeMAC

7.1.2 Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC hendaklah diadakan sekali dalam setahun. Ia hendaklah diadakan pada atau sebelum 30 April pada setiap tahun berkenaan.

7.1.3 Notis Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihantar kepada Ahli tiga puluh hari daripada Mesyuarat Agung Tahunan tersebut diadakan. Agenda Mesyuarat, Laporan Tahunan dan Salinan Penyata Kira-Kira bagi tahun lalu yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit hendaklah diedarkan kepada Ahli sekurang-kurangnya tujuh hari terlebih dahulu daripada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

7.1.4 Agenda Mesyuarat Agung Tahunan mestilah mengandungi :

7.1.4.1 Pembentangan Minit Mesyuarat Agung Tahunan sebelumnya dan mengesahkannya

7.1.4.2 Pembentangan Laporan Tahunan bagi tahun sebelumnya dan mengesahkannya

7.1.4.3 Pembentangan Penyata Kira-Kira bagi tahun sebelumnya telah diperiksa dan disahkan oleh Juruadit.

7.1.4.4 Pemilihan Exco FeMAC Kebangsaan bagi tempoh tiga tahun atau memilih Exco FeMAC Kebangsaan sekiranya ada kekosongan pada tahun tersebut.

7.1.4.5 Perlantikan juruaudit bagi tempoh tiga tahun.

7.1.4.6 Membahaskan mengenai apa-apa perkara atau usul-usul atau cadangan dimana telah pun diberikan secara bertulis kepada Setiausaha Agung tidak kurang daripada tujuh hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan tersebut hendak diadakan.

7.1.4.7 Tahun yang terlibat dengan pemilihan jawatankuasa Exco, Setiausaha Agung dikehendaki mengedarkan borang pencalonan jawatankuasa kepada ahli yang berhak mengundi dalam tempoh tiga puluh hari selari dengan notis AGM dan borang pencalonan hendaklah dikembalikan kepada sekretariat FeMAC dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

7.1.4.8 Bagi ahli yang tidak dapat hadir mengundi pada hari Mesyuarat Agung Tahunan, ahli boleh melantik proxy dengan menggunakan borang rasmi kebenaran khas yang dikeluarkan oleh FeMAC.

7.1.4.9 Proxy hanya boleh mewakili 1 PB sahaja dan dikira sebagai satu undi dan hadir ke mesyuarat berkenaan.

7.1.4.10 Namun sekiranya proxy tersebut dilantik daripada orang luar (wajib daripada Ahli FeMAC yang berdaftar sahaja), ahli hendaklah mengisi borang rasmi kebenaran khas bagi mengesahkan perlantikan orang luar tersebut sebagai proxy beliau.

7.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa FeMAC

7.2.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa FeMAC boleh diadakan sekiranya :

7.2.1.1 Difikirkan perlu dan mustahak oleh Presiden atau Exco Kebangsaan FeMAC atau

7.2.1.2 Diadakan dalam tempoh tiga puluh hari setelah menerima permintaan bertulis daripada dua pertiga Ahli Biasa yang layak mengundi.

7.2.2 Notis mesyuarat dan agenda Mesyuarat Agung Luar Biasa FeMAC hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Agung sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum Mesyuarat Agung Luar Biasa tersebut diadakan.

7.3 Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC

7.3.1 Exco Kebangsaan FeMAC hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan atau pada bila-bila masa yang dipanggil oleh samada Presiden atau Setiausaha Agung atau dengan permintaan bertulis sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Exco Kebangsaan FeMAC dengan syarat Setiausaha Agung diberi cukup masa untuk mengeluarkan notis mesyuarat iaitu sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh yang dikehendaki oleh satu pertiga daripada Exco Kebangsaan FeMAC tersebut.

7.4 Perwakilan

7.4.1 Perwakilan ke Mesyuarat Agung FeMAC hendaklah terdiri daripada :

7.4.1.1 Exco FeMAC Kebangsaan

7.4.1.2 Ahli Biasa yang telah menjelaskan Yuran Tahunan kepada FeMAC. Ahli Biasa boleh menghantar dua orang wakil iaitu Pengarah Syarikat atau Institusi atau Pengurus syarikat bertauliah atau yang berjawatan eksekutif dalam syarikat atau institusi.

7.4.1.3 Ahli Bersekutu boleh menghantar dua orang wakil yang dilantik oleh mereka serta telah menjelaskan yuran tahunan dan

7.4.1.4 Semua Ahli Kehormat juga boleh menghadiri Mesyuarat Agung.

7.4.2 Pengerusi dengan dipersetujui oleh Exco Kebangsaan FeMAC boleh menarik balik perlantikan wakil ke Mesyuarat Agung FeMAC yang dibuat atas sebab wakil itu meninggal dunia, sakit dengan pengesahan doktor, berada diluar negara, menarik diri secara bertulis, gila, tidak siuman, atau tidak layak menjadi wakil. Penarikan tersebut hendaklah dibuat secara bertulis kepada Setiausaha Agung dan perlantikan wakil baru hendaklah sampai di ibu pejabat FeMAC selewat-lewatnya empat puluh lapan jam sebelum tarikh Mesyuarat Agung FeMAC diadakan.

7.4.3 Exco Kebangsaan FeMAC berhak mengundi, bersuara dan dipilih semula untuk apa-apa jawatan di dalam Mesyuarat Agung FeMAC.

7.5 Korum Mesyuarat

7.5.1 Setengah daripada bilangan Exco Kebangsaan FeMAC adalah dianggap sebagai mencukupi korum untuk Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC.

7.5.2 Mesyuarat Agung Tahunan tidak boleh berjalan melainkan korum Ahli Biasa yang hadir :

7.5.2.1 Mesyuarat Agung FeMAC dan Mesyuarat Agung Luar Biasa FeMAC mestilah mengandungi lebih daripada satu pertiga (1/3) ahli biasa yang berhak mengundi yang sepatutnya hadir pada Mesyuarat Agung tersebut.

7.5.2.2 Jika korum untuk Mesyuarat Agung Tahunan tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang telah ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda perlembagaan pertubuhan.

7.5.2.3 Jika korum untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa enam bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Luar Biasa dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

7.6 Perjalanan Mesyuarat

7.6.1 Sebarang keputusan di Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC hendaklah dengan cara undi terbanyak.

7.6.2 Exco Kebangsaan FeMAC hendaklah menyampaikan resolusi yang diputuskan semasa Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC kepada pihak kerajaan, badan ataupun institusi kerajaan.

7.7 Peraturan Persidangan

7.7.1 Exco Kebangsaan FeMAC berkuatkuasa membuat Peraturan Persidangan Mesyuarat Agung Tahunan atau Luar Biasa FeMAC atau mana-mana mesyuarat yang dijalankan oleh FeMAC.

7.7.2 Peraturan persidangan ini hendaklah dipakai untuk semua Mesyuarat Agung Tahunan atau mana-mana mesyuarat yang dijalankan oleh FeMAC.

7.8 Notis kepada Ahli

Semua notis wajib dihantar kepada Ahli adalah disifatkan sebagai dihantar sekiranya dihantar oleh Setiausaha Agung FeMAC melalui pos dengan sampul surat berdaftar atau melalui media elektronik seperti emel, website, facebook, what app group dan sebagainya.

FASAL 8 JAWATANKUASA

8.1 Jawatankuasa atau Exco FeMAC Kebangsaan adalah badan yang merangka perjalanan pengurusan hal ehwal FeMAC dibawah kuasa dan perintah Mesyuarat Agung FeMAC. Exco Kebangsaan FeMAC hendaklah dipilih tiga tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

8.2 Exco FeMAC Kebangsaan hendaklah terdiri daripada :

- i) Presiden

- ii) Timbalan Presiden
- iii) Dua orang Naib Presiden
- iv) Setiausaha Agung dari kalangan Ahli Biasa yang dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Exco FeMAC Kebangsaan
- v) Penolong Setiausaha Agung dari kalangan Ahli Biasa yang dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Exco FeMAC Kebangsaan
- vi) Bendahari
- vii) Penolong Bendahari
- viii) Enam orang Exco Biasa yang dipilih oleh ahli FeMAC semasa Mesyuarat Agung Tahunan dimana mereka ini dilantik sebagai Exco Pegawai Penyelarasian PTPK, Exco Pelarasian Unit Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, Exco Pelarasian Kementerian yang menjalankan program TVET contoh KBS, KPM, Kem. Keusahawanan, Exco Pelarasian JPK dan CIAST, Exco Pelarasian HRDF dan Exco Pelarasian bersama PB dan industri.
- ix) Tujuh orang Exco biasa tambahan yang dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Exco FeMAC Kebangsaan dan mesti mendapat majoriti undian dimana tugas mereka adalah Exco Pelarasian Promosi TVET, Exco Pelarasian Pembangunan NOSS, Exco Pelarasian bersama syarikat GLC contoh MATRADE, Exco Pelarasian TVET luarnegeara, Exco Pelarasian Dasar (Mesyuarat) Kementerian Sumber Manusia, Exco Pelarasian kajian dan penyelidikan TVET serta Exco Pelarasian Operasi FeMAC.

8.3 Calon bagi Presiden FeMAC hendaklah dipilih dari kalangan Exco Kebangsaan mana - mana penggal sebelumnya. Manakala jawatan untuk Timbalan Presiden, Naib Presiden 1 dan 2, Bendahari, Penolong Bendahari dan Enam orang Exco Kebangsaan hendaklah dipilih dari kalangan ahli biasa di dalam Mesyuarat Agung Tahunan selagi mendapat kepercayaan daripada ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan tersebut.

8.4 Presiden hendaklah terlebih dahulu memaklum dan mendapat kelulusan Mesyuarat Exco FeMAC Kebangsaan sebelum membuat perlantikan Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung dan tujuh orang Exco tambahan ini.

8.5 Presiden hendaklah melantik Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung dan tujuh orang Exco tambahan di dalam Mesyuarat Exco Kebangsaan tidak lebih daripada enam puluh (60) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC diadakan atau tarikh berlakunya kekosongan jawatan tersebut.

8.6 Presiden dengan kelulusan mesyuarat Exco FeMAC Kebangsaan boleh meluluskan garis panduan perlantikan dan pemecatan Pengurus Operasi, Setiausaha Kerja, Kerani atau mana-mana Kakitangan FeMAC termasuklah hal gaji, bonus dan bayaran lain kepada mereka: serta menetapkan garis panduan

prosedur kawalan kewangan.

8.7 Exco FeMAC Kebangsaan berhak menjemput Wakil dari Ahli Bersekutu atau sesiapa yang difikirkan perlu bagi menghadiri mesyuarat yang mustahak.

8.8 Seseorang Exco FeMAC Kebangsaan akan terlucut jawatannya apabila :

8.8.1 Pentauliahan telah dibatalkan oleh JPK

8.8.2 Didapati gila atau tidak siuman atau sebab-sebab lain yang tidak membolehkan ia menjalankan tugas.

8.8.3 Didapati menjadi muflis yang belum dimansuhkan atau dilepaskan oleh undang-undang.

8.8.4 Berhenti dari menjadi Pengelola atau Pemilik atau Pengurus Pusat Bertauliah atau Pegawai atau/dan sepertinya didalam Pusat Bertauliah atau Penyedia Latihan atau badan atau syarikat yang menjadi ahli FeMAC.

8.8.5 Tidak menghadiri dalam Mesyuarat Exco FeMAC Kebangsaan tiga (3) kali berturut-turut tanpa makluman dan memberi sebab-sebab yang munasabah. Exco FeMAC Kebangsaan tidak dibenarkan melantik proksi atau Wakil ke Mesyuarat Exco melainkan dengan kebenaran Presiden.

8.8.6 Meletak jawatan secara bertulis kepada Presiden dan dimaklumkan oleh Presiden kepada Exco FeMAC Kebangsaan dan diterima.

8.8.7 Terlucut sebagai warganegara Malaysia.

8.9 Melantik firma juruaudit yang bertauliah bagi tempoh tiga tahun. Juruaudit yang dilantik haruslah mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang perakaunan.

8.10 Kekosongan Jawatan

8.10.1 Jika jawatan presiden menjadi kosong oleh apa-apa sebab juapun, maka Timbalan Presiden akan memangku jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC yang akan datang, di mana pemilihan calon serta merta dan diikuti oleh undian secara sulit. Jawatan Presiden ini akan berkuasa sehingga tamat tempoh memegang jawatan.

8.10.2 Jika Timbalan yang memangku jawatan presiden itu telah dipilih menjadi Presiden di dalam Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC yang diadakan itu maka jawatan Timbalan Presiden yang dipegangnya itu akan gugur dengan sendirinya.

8.10.3 Jika Timbalan Presiden menjadi kosong atas apa-apa sebab juapun, maka salah seorang daripada Naib presiden memangku jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC yang akan datang dimana pemilihan untuk jawatan Timbalan Presiden itu akan dibuat secara pencalonan serta merta dan diikuti oleh undian secara sulit. Jawatan Timbalan Presiden ini akan berkuat kuasa

sehingga tamat tempoh memegang jawatan.

8.10.4 Jika Naib Presiden menjadi kosong atas apa-apa sebab juapun maka Mesyuarat Exco Kebangsaan hendaklah memilih salah seorang daripada Ahli Exco FeMAC Kebangsaan memangku jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Persekutuan yang akan datang dimana pemilihan akan dibuat secara pencalonan serta merta dan diikuti oleh undian secara sulit. Jawatan ini akan berkuatkuasa sehingga tamat tempoh memegang jawatan.

8.10.5 Jika mana-mana Exco Kebangsaan FeMAC berhenti, Presiden dengan kelulusan Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC boleh melantik wakil mana-mana PB ahli biasa untuk memangku jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC yang akan datang dimana pemilihan akan dibuat secara pencalonan serta merta dan diikuti oleh undian secara sulit. Jawatan ini akan berkuat kuasa sehingga tamat tempoh memegang jawatan.

8.10.6 Jika dua pertiga (2/3) atau lebih Exco FeMAC Kebangsaan berhenti dengan serentak, Setiausaha Agung atau di atas ketiadaannya, maka salah seorang Exco FeMAC memanggil Mesyuarat Agung Luar Biasa FeMAC dalam masa tiga puluh hari (30) dari tarikh perletakkan jawatan itu untuk memilih Exco Kebangsaan FeMAC yang baru.

8.10.7 Mana-mana Exco FeMAC Kebangsaan yang ingin bertanding untuk memenuhi mana-mana jawatan yang kosong (di dalam Exco Kebangsaan FeMAC) maka beliau hendaklah terlebih dahulu meletakkan jawatan yang dipegangnya.

8.10.8 Jika sekiranya mana-mana jawatan Exco FeMAC Kebangsaan menjadi kosongan di Presiden, Timbalan Presiden dan Naib Presiden, orang yang sepatutnya memangku jawatan tersebut atas sebab-sebab hilang kepercayaan, masalah salah laku, tindakan tatatertib atau perkara terhalang. Oleh itu, Exco Kebangsaan FeMAC akan diberi kuasa penuh memilih dari kalangan Exco yang dilantik semasa Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC untuk memangku jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC yang akan datang dimana pemilihan akan dibuat secara pencalonan serta merta dan diikuti oleh undian secara sulit. Jawatan ini akan berkuat kuasa sehingga tamat tempoh memegang jawatan.

FASAL 9 TUGAS-TUGAS EXCO FEMAC

9.1 TUGAS-TUGAS EXCO KEBANGSAAN FeMAC

9.1.1 PRESIDEN

- a. Menjadi ketua FeMAC peringkat kebangsaan yang bertanggunjawab diatas kesempurnaan perjalanan FeMAC keseluruhannya.
- b. Melantik, menggantung atau memecat Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung dan tiga belas orang Exco Kebangsaan FeMAC yang dilantik dengan

persetujuan Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC dan bertanggunjawab atas kesempurnaan mereka menjalankan tugas masing-masing.

c. Mempengerusikan setiap Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC, Mesyuarat Exco Pengurusan, Mesyuarat Agung Tahunan atau Luar Biasa dan mesyuarat lain di peringkat kebangsaan.

d. Presiden boleh dari semasa ke semasa atau bila-bila masa menjemput orang perseorangan samada ahli FeMAC ataupun tidak hadir bersama-sama di dalam mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC bagi maksud menyumbang fikiran dan pendapat mengenai sesuatu perkara yang dibincangkan oleh mesyuarat berkenaan dengan syarat orang yang dijemput itu tidak berhak mengundi.

9.1.2 TIMBALAN PRESIDEN

a. Mempengerusikan Mesyuarat Exco FeMAC Kebangsaan, Exco Pengurusan, Mesyuarat Agung Tahunan atau Luar Biasa FeMAC dan mesyuarat lain apabila presiden berhalang atau tidak hadir.

b. Memangku jawatan Presiden FeMAC jika jawatan tersebut menjadi kosong oleh apa-apa sebab juapun. Semasa memangku jawatan Presiden, beliau boleh menggunakan kesemua kuasa-kuasa dan hak-hak yang diperuntukkan kepada Presiden FeMAC.

9.1.3 NAIB PRESIDEN

a. Membantu tugas Timbalan Presiden.

b. Mempengerusikan Mesyuarat Exco FeMAC Kebangsaan, Exco Pengurusan, Mesyuarat Agung Tahunan atau Luar Biasa FeMAC dan mesyuarat lain apabila presiden dan timbalan presiden berhalang atau tidak hadir.

9.1.4 SETIAUSAHA AGUNG

a. Bertanggunjawab secara langsung kepada Presiden dan bertindak atas segala arahan Presiden.

b. Bertanggunjawab sepenuhnya keatas pengurusan pejabat dan urusetia FeMAC.

c. Setiausaha Agung juga boleh dilantik menjadi Pengarah Eksekutif atau Pengurus Operasi FeMAC.

d. Bertanggunjawab melaporkan kepada Presiden segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pengurusan FeMAC.

e. Bertanggunjawab diatas kesempurnaan Mesyuarat Agung Tahunan atau Luar Biasa, Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC dan membabitkan mesyuarat zon FeMAC.

- f. Memberi arahan dan agihan tugas semua kakitangan Pejabat dan Urusetia FeMAC serta berkuasa membuat apa-apa peraturan yang berkaitan dengan kakitangan Pejabat dan Urusetia.
- g. Menyediakan Laporan Tahunan yang menerangkan aktiviti dan kemajuan Persekutuan dalam masa setahun kepada Exco Kebangsaan FeMAC dan membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC.
- h. Menyiapkan buku daftar ahli yang mengandungi maklumat-maklumat yang lengkap.
- i. Menjalankan segala kerja berhubung dengan hal ehwal FeMAC dengan hal ehwal FeMAC yang membabitkan agensi-agensi kerajaan dan mana-mana badan yang menjalankan bidang kemahiran.
- j. Berkuasa dan bertanggunjawab mengambil tindakan atau menjalankan perkara yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC didalam mesyuaratnya.
- k. Berkuasa mendapatkan maklumat atau butiran yang difikirkan perlu dari FeMAC Negeri dan setiap zon serta diberi kuasa untuk memantau aktiviti syarikat atau koperasi yang ditubuhkan di bawah FeMAC serta mengemukakan laporan kepada Presiden dari masa ke semasa.
- l. Memanggil mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC, Exco Pengurusan dan Mesyuarat Agung Tahunan atau Luar Biasa.
- m. Berkuasa mengadakan aktiviti atau kegiatan FeMAC dan mengambil tindakan yang boleh mendatangkan kebaikan kepada FeMAC.

9.1.5 PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG

- a. Membantu semua tugas Setiausaha Agung seperti yang diarahkan

9.1.6 BENDAHARI

- a. Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pengurusan kewangan FeMAC dan pengurusan rekod-rekod perakaunan FeMAC.
- b. Bertanggungjawab menyediakan Penyata Kira-Kira Tahunan yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit kepada Exco Kebangsaan FeMAC dan juga kepada Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC untuk diterima.

9.1.7 PENOLONG BENDAHARI

- a. Membantu semua tugas-tugas Bendahari seperti yang diarahkan.

9.1.8 ENAM ORANG EXCO BIASA YANG DIPILIH

- a. EXCO PEGAWAI PELARASAN PTPK
 - i. Kajian kadar pembiayaan yuran program baru dan pendaftaran PB baru.
 - ii. Pembahagian kuota PTPK
 - iii. Penyelarasian Pendaftaran Pelajar di dalam sistem online
 - iv. Membincangkan dan menyelesaikan isu berbangkit mengenai PTPK

- b. EXCO PELARASAN UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU) JABATAN PERDANA MENTERI
 - i. Menyelaraskan dan mengkaji peluang untuk pengagihan yang diberikan EPU untuk pusat latihan swasta dibawah Unit Perancang Ekonomi dan perkara-perkara lain.

- c. EXCO PELARASAN KEMENTERIAN YANG MENJALANKAN PROGRAM TVET
 - i. Menyelaraskan dan memaklumkan sebarang program TVET yang dijalankan oleh Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti:
 - Jabatan Tenaga Manusia (Institut Latihan Perindustrian dan Advanced Technology Training Center)
 - Kementerian Belia dan Sukan (Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia dan Negara)
 - Kementerian Pendidikan (Kolej Vokasional)
 - Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (Giatmara dan lain-lain)

- d. EXCO PELARASAN JPK DAN CIAST
 - i. Menyelaraskan dan merancang aktiviti dan program berkaitan Jabatan Pembangunan Kemahiran dan CIAST.

- e. EXCO PELARASAN HRDF
 - i. Mengkaji dan memaklumkan peluang-peluang yang ditawarkan oleh HRDF yang dikira memberi faedah kepada ahli FeMAC.

- f. EXCO PELARASAN BERSAMA PB DAN INDUSTRI
 - i. Merangka program-program yang membolehkan jalinan kerjasama antara PB FeMAC dan industri.

9.1.9 TUJUH ORANG EXCO BIASA YANG DILANTIK

- a. EXCO PELARASAN PROMOSI TVET
 - i. Merangka dan mempromosikan TVET supaya lebih dikenali oleh orang awam seperti seminar, karnival dan sebagainya.

- b. EXCO PELARASAN PEMBANGUNAN NOSS

i. Mengkaji pembangunan NOSS baru supaya sesuai untuk digunakan oleh semua program dengan kerjasama FeMAC dan industri.

c. EXCO PELARASAN BERSAMA SYARIKAT GLC

i. Merangka aktiviti dan peluang untuk berkerjasama diantara syarikat GLC seperti MATRADE dan sebagainya.

d. EXCO PELARASAN TVET LUARNEGARA

i. Bertanggungjawab dalam merangka aktiviti yang membabitkan TVET luarnegara seperti Worldskill Competition dan lain-lain.

e. EXCO PELARASAN DASAR KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

i. Menghadiri dan bertanggungjawab terhadap sebarang aktiviti yang melibatkan PB FeMAC dengan pembangunan TVET di bawah dasar Kementerian Sumber Manusia seperti pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta pembabitan pelajar TVET menyambung pelajaran ke Malaysian Technical University Network di peringkat ijazah.

f. EXCO PELARASAN KAJIAN DAN PENYELIDIKAN TVET

i. Mengkaji dan membuat penyelidikan berkenaan TVET bagi mencapai negara maju menjelang tahun 2020 dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan serta lain-lain.

g. EXCO PELARASAN OPERASI FeMAC

i. Merangka dan menyelaraskan operasi FeMAC seluruh Malaysia membabitkan PB FeMAC yang aktif.

9.2 Exco Kebangsaan FeMAC

9.2.1 Exco Kebangsaan FeMAC mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sama seperti Exco Kebangsaan yang lain kecuali tugas-tugas yang diperuntukkan kepada Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung, Bendahari dan Penolong Bendahari. Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC ataupun Presiden FeMAC boleh mengarahkan Exco Kebangsaan FeMAC menjalankan tugas-tugas yang sesuai selaras dengan Perlembagaan ini.

9.2.2 Mana-mana Exco Kebangsaan FeMAC yang gagal menghadirkan diri dalam Mesyuarat Agung ataupun Mesyuarat Exco Kebangsaan ataupun Mesyuarat Exco Pengurusan tanpa sebab-sebab yang bertulis sebanyak tiga kali berturut-turut akan dilucutkan jawatannya tanpa amaran.

9.3 Tugas-Tugas Exco Pengurusan FeMAC.

9.3.1 Exco Pengurusan FeMAC terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden 1, Naib Presiden 2, Setiausaha Agung dan Bendahari sahaja.

9.3.2 Exco Pengurusan FeMAC menjadi badan yang menjalankan Pengurusan hal ehwal FeMAC dibawah kuasa dan perintah Exco Kebangsaan FeMAC.

9.3.2 Merangka, merancang dan mengesyorkan perkhidmatan, kegiatan Belanjawan dan Sumber Kewangan bagi kebaikan Ahli FeMAC kepada Mesyuarat Exco Kebangsaan FeMAC untuk kelulusan.

9.3.3 Menentukan pengurusan Pejabat dan Urusetia FeMAC sentiasa dalam keadaan sempurna serta mencadangkan prosedur kawalan kewangan.

9.3.4 Mencadangkan perlantikan atau pemecatan pengurus operasi, setiausaha kerani serta kakitangan pejabat FeMAC termasuklah gaji, bonus dan bayaran lain kepada mereka.

9.3.5 Melantik wakil FeMAC ke dalam mana-mana badan, Majlis atau Kementerian yang memerlukan Wakil FeMAC.

FASAL 10 KEWANGAN

10.1 Kewangan FeMAC diperoleh dari :-

10.1.1 Bayaran Yuran Masuk/Pendaftaran dan Yuran Tahunan Ahli FeMAC yang dikutip daripada Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu

10.1.2 Sumbangan dan kegiatan ekonomi

10.1.3 Ikhtiar-ikhtiar lain di semua peringkat yang dipersetujui oleh Exco FeMAC Kebangsaan

10.2 Cara menyimpan dan menggunakan wang FeMAC

10.2.1 Exco FeMAC Kebangsaan berkuasa membuat sebarang peraturan berkenaan dengan dasar kewangan FeMAC

10.2.2 Dana wang runcit untuk FeMAC hendaklah tidak melebihi RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu sahaja)

10.2.3 Urusan pembayaran oleh Persekutuan hendaklah dibuat berikut:

10.2.3.1 Pihak yang akan menandatangani ialah:

- a. Presiden
- b. Timbalan Presiden
- c. Bendahari

d. Setiausaha Agung

10.2.3.2 Bayaran yang berjumlah dibawah RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja) hendaklah ditandatangani oleh (2) orang daripada (4) orang penandatangan.

10.2.3.3 Bayaran yang berjumlah RM 3,001.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Satu Sahaja) dan keatas hendaklah ditandatangani oleh tiga (3) orang daripada (4) orang penandatangan.

10.2.4 Bendahari bertanggunjawab diatas kesempurnaan kewangan FeMAC

10.2.5 Tahun Kewangan FeMAC adalah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

10.2.6 Juruaudit yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC menurut perlembagaan ini mestilah memeriksa kira-kira persatuan seperti yang ditugaskan.

10.2.7 Elaun dan Tuntutan

Elaun dan tuntutan diberikan kepada Exco Kebangsaan FeMAC bagi mereka terlibat atau menghadiri mana-mana mesyuarat, majlis rasmi dan aktiviti bersama agensi-agensi awam atau kerajaan, Government Link Company dan agensi swasta yang membabitkan FeMAC .

10.2.8.1 Presiden dibenarkan membuat tuntutan maksimum sebanyak RM 5,000.00 disertakan dengan bukti pembayaran, bukti kehadiran ke majlis rasmi atau mesyuarat atau aktiviti samada surat jemputan atau emel untuk tempoh setahun.

10.2.8.2 Timbalan Presiden dibenarkan membuat tuntutan maksimum sebanyak RM 3,000.00 disertakan dengan bukti pembayaran, bukti kehadiran ke majlis rasmi atau mesyuarat atau aktiviti samada surat jemputan atau emel untuk tempoh setahun.

10.2.8.3 Setiausaha Agung dibenarkan membuat tuntutan maksimum sebanyak RM 2,000.00 disertakan dengan bukti pembayaran, bukti kehadiran ke majlis rasmi atau mesyuarat atau aktiviti samada surat jemputan atau emel untuk tempoh setahun.

10.2.8.4 Selain daripada Presiden, Timbalan Presiden dan Setiausaha Agung, Exco FeMAC Kebangsaan yang lain dibenarkan membuat tuntutan maksimum sebanyak RM 1,000.00 disertakan dengan bukti pembayaran, bukti kehadiran ke majlis rasmi atau mesyuarat atau aktiviti samada surat jemputan atau emel untuk tempoh setahun.

10.2.8.5 Exco akan diberikan elaun perjalanan tetap sebanyak RM100.00 untuk setiap kehadiran ke mana-mana mesyuarat berkaitan FeMAC berserta bukti kehadiran kecuali Exco Zon Sabah dan Sarawak akan diberikan elaun perjalanan tetap sebanyak RM 500.00 (Hanya untuk mesyuarat Exco Kebangsaan sahaja)

11.1 Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC hendaklah melantik seorang juruaudit untuk memeriksa rekod perakaunan dan Harta FeMAC

11.2 Juruaudit yang telah dilantik akan berkhidmat sehingga tamat tempoh memegang jawatan.

11.3 Presiden boleh memanggil juruaudit yang dilantik untuk memeriksa Rekod Perakaunan dan Harta FeMAC pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

11.4 Exco FeMAC Kebangsaan hendaklah melantik juruaudit baru menggantikan Juruaudit yang dipilih jika mereka menarik diri.

11.5 Rekod Perakaunan dan Harta FeMAC yang telah diperiksa dan disahkan mestilah diedarkan kepada Mesyuarat Exco FeMAC yang berkenaan sebelum diadakan Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC.

FASAL 12 PEMEGANG AMANAH

12.1 Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik oleh Presiden dengan Persetujuan Exco FeMAC Kebangsaan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh FeMAC. Semua harta tetap kepunyaan FeMAC akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust).

12.2 Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hakmilik Harta Kepunyaan FeMAC dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung FeMAC.

12.3 Seseorang Pengamanah itu boleh dilucutkan jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana sakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakkan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah baru yang dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

FASAL 13 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

13.1 Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak jelas di dalam undang-undang ini.

FASAL 14 PENASIHAT/PENAUNG

14.1 Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Persekutuan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

FASAL 15 LARANGAN

15.1 Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka, 1963 adalah dilarang di permis pertubuhan

15.2 FeMAC dan ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga menganggu perniagaan atau barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definisi di dalam Akta kesatuan Sekerja, 1959.

15.3 FeMAC tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama FeMAC atau Pegawai-pegawai atau jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.

15.4 Faedah seperti yang diterangkan dibawah Seksyen 2 Akta Persekutuan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Persekutuan kepada mana-mana ahliyina.

FASAL 16 PINDAAN UNDANG-UNDANG

16.1 Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana bahagian daripada boleh dipinda atau dimansuhkan dengan ketetapan yang dipersetujui oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) wakil yang berhak mengundi yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC atau Mesyuarat Agung Tahunan Luar Biasa FeMAC dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai dari tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17 PEMBUBARAN

17.1 Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.

17.2 Sekiranya pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan pertubuhan yang sah mengikut perlembagaan hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam mesyuarat agung berkenaan.

17.3 Permohonan pembubaran ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan pembubaran itu.

FASAL 18 DEFINISI

Di dalam Perlembagaan ini melainkan sekiranya berlainan daripada konteks :-

18.1 Ahli Biasa bermakna Ahli Persekutuan (FeMAC)

18.2 Exco Persekutuan Kebangsaan atau Exco FeMAC Kebangsaan bermakna Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persekutuan

18.3 Ahli Bersekutu bermakna persatuan, badan, agensi, jabatan atau Persekutuan pendidikan, industri, yang berdaftar dengan Pendaftar Persekutuan, Pendaftar Syarikat atau sepertinya dan ahlinya seratus peratus Rakyat Malaysia dan telah diterima menjadi Ahli.

18.4 Bendahari bermakna Bendahari Persekutuan yang dilantik di bawah Fasal 8.2.6 Perlembagaan ini.

18.5 Borang Proksi bermakna surat kuasa yang di keluarkan oleh Persekutuan bagi menamakan seseorang individu sebagai penama yang mewakili Ahli Biasa menurut Fasal 4.4 dan Ahli Bersekutu menurut Fasal 4.5 Perlembagaan ini.

18.6 Bilangan Satu bermakna dirujuk kepada satu atau lebih daripada Satu.

18.7 Persekutuan bermakna Persekutuan Pusat Bertauliah JPK, Malaysia.

18.8 Firma atau Syarikat bermakna firma atau syarikat yang dimiliki seratus peratus 100% oleh rakyat Malaysia dan atau syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan di mana status syarikat ini akan ditentukan oleh Exco Persekutuan atau FeMAC Kebangsaan.

18.9 Jawatankuasa Persekutuan Negeri atau Jawatankuasa FeMAC Negeri bermakna Badan Penyelaras di peringkat negeri atau zon yang dilantik di bawah Fasal 8.6 Perlembagaan ini.

18.10 Exco Persekutuan Kebangsaan atau Exco FeMAC Kebangsaan bermakna Badan Persekutuan yang tertinggi yang diundi atau dilantik di bawah Fasal 8.2 Perlembagaan ini.

18.11 Mesyuarat Agung FeMAC bermakna Mesyuarat Agung Tahunan FeMAC atau Mesyuarat Agung Luarbiasa FeMAC

18.12 Pemegang Amanah Persekutuan bermakna Pemegang Amanah yang dilantik Fasal 13 Perlembagaan.

18.13 Penaung Persekutuan bermakna Penaung yang diundang oleh Exco Persekutuan Kebangsaan yang memegang jawatan tersebut.

18.14 Pegawai Persekutuan bermakna Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari yang dipilih atau dilantik mengikut Fasal 8.2 Perlembagaan ini.

18.15 Penama bermakna Perniagaan, Perdagangan dan Perindustrian ataupun salah satu daripadanya.

18.16 Resolusi bermakna satu cadangan yang dibawa oleh Wakil Persekutuan Negeri atau Exco Persekutuan Kebangsaan atau Ahli Biasa yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

18.17 Setiausaha Agung bermakna Setiausaha Agung yang dilantik dibawah Fasal 8.2.4 Perlembagaan ini.

18.18 Wakil bermakna orang dilantik mewakili Ahli untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan atau Luar Biasa Persekutuan.

18.19 JPK bermakna Jabatan Pembangunan Kemahiran

18.20 Pusat Bertauliah adalah Penyedia Latihan Kemahiran yang ditauliahkan oleh JPK untuk menjalankan program-program Kemahiran.

FASAL 19 KUASA-KUASA KHAS

19.1 Presiden dengan persetujuan Exco FeMAC Kebangsaan dibenarkan memutuskan ataupun menambah mana-mana tafsiran kepada Perlembagaan ini bagi melicinkan perjalanan dan kebaikan persekutuan.

19.2 Hanya Presiden dan Setiausaha Agung sahaja boleh mengeluarkan apa-apa kenyataan mengenai FeMAC samada melalui media massa, media elektronik dan media cetak.

FASAL 20 MAKHAMAH

20.1 Presiden, Exco FeMAC Kebangsaan atau Ahli akan terlucut keahlian secara automatik sekiranya membawa kes-kes yang bersangkutan dengan peraturan dan keputusan yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung ke mana-mana Makhamah, walau dengan apa juar cara sekalipun.

FASAL 21 LOGO

Huruf M adalah Pusat-pusat bertauliah yang menawarkan program-program JPK dan juga melambangkan Malaysia Boleh

Bulatan adalah Perpaduan dibawah satu organisasi

Tiga Gelombang adalah melambangkan tiga objektif utama iaitu memperjuangkan, memimpin dan memartabat.

Biru adalah Memperkasakan pekerja yang berkemahiran

Putih adalah Ketulusan dan keikhlasan

Merah adalah Melakukan sesuatu tanpa mengharap kepada seseiapa Do it yourself

Kuning adalah melambangkan kedaulatan Raja-raja ianya juga memberi maksud atau

petunjuk yang lain seperti kepimpinan yang berterusan.

LAMPIRAN

1. BENDERA



2. LAMBANG

3. LENCANA

